

02 JAN 2002

Samsudin-Akujanji

SEMUA KSU TANDATANGANI AKUJANJI 29 JAN INI

PUTRAJAYA, 2 Jan (Bernama) -- Pelaksanaan "Akujanji" bagi memastikan kakitangan awam mematuhi Perintah Am kerajaan akan bermula dengan majlis menandatangani dokumen itu oleh semua Ketua Setiausaha kementerian pada 29 Jan ini.

"Kita mula dengan ketua-ketua dahulu, yang lain kita harap akan mengikutinya," kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman ketika ditemui pemberita pada jamuan hari raya anjuran Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Beliau berkata semua kakitangan kerajaan perlu mematuhi surat pekeliling yang menghendaki mereka menandatangani akujanji itu.

Katanya apa yang terkandung dalam akujanji itu ialah beberapa perkara asas termasuk soal betapa pentingnya kakitangan awam bertugas dengan penuh tanggungjawab.

Samsudin berkata ia bukanlah sesuatu yang baru kerana semuanya ada dalam Perintah Am yang turut menyentuh soal kelakuan dan tatatertib kakitangan awam.

"Kalau saya tanya siapa yang pernah baca peraturan-peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib, tak ada orang yang baca melainkan kalau seseorang itu dikenakan tindakan tatatertib, baru dia baca.

"Tetapi bila kita letakkan perkara-perkara yang asas ini (dalam surat akujanji), Insya Allah semua orang faham tugas dan tanggungjawab masing-masing," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata Oktober lepas bahawa Kabinet membuat keputusan mewajibkan kakitangan awam menandatangani akujanji setelah mendapati ada kakitangan kerajaan yang tidak mematuhi Perintah Am kerajaan.

Cuepacs, kesatuan sekerja induk sektor awam, telah bersetuju untuk menerima pelaksanaan akujanji itu.

Cadangan mengadakannya pada asalnya bertujuan memastikan pensyarah dan penuntut universiti menjalankan tanggungjawab masing-masing dan tidak terlibat dalam aktiviti lain seperti kegiatan menentang kerajaan.

Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata sebelum ini bahawa kedua-dua golongan itu serta guru sekolah juga mesti menandatangani akujanji berkenaan.

-- BERNAMA

MAM AHH ZB